



Patuk Gunung

Tiada ciri dimorfisme seks (jantan dan betina dewasa hampir serupa) serta mempunyai warna yang sangat menarik.

Walaupun taburannya terhad di Semenanjung Malaysia (paling selatan Thailand dan utara Semenanjung Malaysia), Sumatera dan Jawa, ia boleh dijumpai di hutan tanah rendah hingga hutan gunung tropika serta sub tropika >900 meter dari paras laut.

Spesies ini pernah direkodkan dijumpai di Bukit Larut, Perak, Hulu Langat (Selangor), Gunung Benom (Pahang), Gunung Tahan di sempadan Pahang dan Kelantan, Gunung Rabong (Kelantan) serta Gunung Padang (Terengganu).

Enggang Tebang Mentua

Burung yang menakjubkan tetapi rupa paling pelik.

Spesies ini ada kaskas (bonggol besar atas paruh) padu dan kuat yang digunakan untuk menghentam kepala jantan lain semasa bergaduh di udara.

Status burung ini dikategorikan amat terancam.

Kesatuan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam (IUCN) mendedahkan spesies ini hanya tinggal tiga generasi sebelum pupus.



Sintar Rimba

Sejenis burung sangat pemalu yang hanya dijumpai di hutan tanah rendah berkanopi tertutup.

Taburannya meluas di seluruh kawasan pelantar Sunda, iaitu di Borneo, Thailand, Semenanjung Malaysia dan Sumatera, Indonesia.



Kelicap Nibong

Burung jantan yang paling berwarna-warni dengan warna hijau hijau keemasan, merah tua di bahagian leher dan bahagian bawah belakang, ungu di tekak serta merah di bahagian perut.

Boleh didapati di banyak jenis hutan, termasuk hutan paya gambut, paya bakau, hutan subtropika, hutan gunung dan hutan tanah rendah.



'Rumah' Burung Malaysia

Keenikan spesies burung di Malaysia menjadikan negara ini antara destinasi pelancongan burung popular di Asia Tenggara.

Mengikut rekod, ada 785 spesies burung di Malaysia dan daripada jumlah itu lebih 50 spesies adalah endemik (terdapat di satu kawasan sahaja).

Hakikatnya, burung penting kepada ekosistem kerana fungsinya sebagai pendebunga dan penyebar biji benih.

Selain itu, menjadi petunjuk kepada kesihatan persekitaran yang mana kehadiran atau ketiadaan burung boleh mencerminkan kualiti ekosistem

Malangnya, pencemaran dan kemusnahan habitat akibat daripada aktiviti manusia menyebabkan spesies burung terdedah kepada ancaman kepupusan.



55 KAWASAN PENTING BURUNG DI MALAYSIA



- MY01 - Banjaran Nakawan, Perlis
- MY02 - Ulu Muda, Kedah
- MY03 - Pantai Teluk Air Tawar - Kuala Muda, Pulau Pinang
- MY04 - Banjaran Bintang Kedah-Perak
- MY05 - Pantai Matang, Perak
- MY06 - Hutan Simpan Pondok Tanjung, Perak
- MY07 - Belum-Temenggor Perak
- MY08 - Banjaran Kledang, Perak
- MY09 - Banjaran Titiwangsa Tengah, Perak-Pahang
- MY10 - Taman Warisan Selangor, Selangor-Pahang
- MY11 - Pantai Utara-Tengah Selangor
- MY12 - Tanjung Tuan Melaka 2.40
- MY13 - Endau-Rompin Johor-Pahang
- MY14 - Hutan Pantai Johor
- MY15 - Pantai Barat Daya Johor
- MY16 - Hutan Simpan Hidupan Liar Krau, Pahang
- MY17 - Taman Negara, sempadan Pahang-Terengganu-Kelantan
- MY18 - Hutan Paya Gambut Tenggara Pahang, Pahang
- MY19 - Pulau Layang-Layang Sabah
- MY20 - Banjaran Crocker, Sabah
- MY21 - Gunung Kinabalu, Sabah
- MY22 - Banjaran Trus Madi, Sabah
- MY23 - Dataran banjir Kinabatangan, Sabah
- MY24 - Kawasan Pemuliharaan Lembah Danum, Sabah
- MY25 - Kawasan Pemuliharaan Maliau Basin, Sabah
- MY26 - Taman Bukit Tawau, Sabah
- MY27 - Hutan Simpan Hidupan Liar Tabin, Sabah
- MY28 - Semenanjung Klias, Sabah
- MY29 - Kawasan Kabili-Sepilok, Sabah
- MY30 - Hutan Simpan Hidupan Liar Kulamba
- MY31 - Pulau Sipadan, Sabah
- MY32 - Pulau Mantanani, Sabah
- MY33 - Dataran Tempasuk, Sabah
- MY34 - Kawasan Terlingdung Tanjung Datu-Samunsam, Sarawak
- MY35 - Gunung Pueh, Sarawak
- MY36 - MY37 - MY38 - MY39 - MY40 - MY41 - MY42 - MY43 - MY44 - MY45 - MY46 - MY47 - MY48 - MY49 - MY50 - MY51 - MY52 - MY53 - MY54 - MY55